

10/11/2001

Cubaan jatuhkan 50 negara Islam (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, wujud gerakan untuk menjatuhkan kerajaan di 50 negara Islam termasuk Malaysia oleh kumpulan yang menganggap kerajaan di negara berkenaan tidak cukup Islam.

Perdana Menteri berkata, kumpulan yang menyertai gerakan itu, terlalu menitikberatkan pelaksanaan sistem syariah berbanding keadilan itu sendiri, termasuk dalam hukum hudud.

"Kanak-kanak di sekolah agama dan madrasah di negara-negara Islam ini diajar membenci kerajaan serta ditanam semangat untuk menjatuhkan pemerintah," katanya ketika berucap melancarkan Pusat Penyelidikan Islam (IRC) dan al-Quran digital Al-Murshid.

Dr Mahathir sehubungan itu menegaskan, kerajaan akan terus mempertahankan konsep Islam yang mentadbir negara ini walaupun dikritik pihak tertentu.

"Di Malaysia, kita cuba mentadbir negara dengan cara yang dituntut Islam, kata hati kita jelas. Kita akan mempertahankan konsep Islam kita, tidak kira bagaimana kita diserang, tidak kira sama ada mereka menggunakan keganasan terhadap kerajaan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membetulkan pemikiran salah mengenai Islam yang diajar di sekolah-sekolah pondok dan agama.

"Mereka mengajar menjadi tanggungjawab kanak-kanak ini untuk mengislamkan negara kerana kerajaan yang memerintah tidak Islam. Apabila kumpulan (pelajar) ini membesar, mereka membenci dan menentang kerajaan. Ini antara masalah di semua negara Islam.

"Kumpulan ini menyebabkan tidak wujud kestabilan dan apabila kerajaan cuba membangunkan negara, mereka menentangnya. Ini menyebabkan mereka dan pemerintah menentang sesama sendiri. Jadi negara Islam tidak boleh maju kerana kumpulan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, kumpulan terbabit tidak melihat Malaysia sebagai negara Islam kecuali menukar sistem pemerintahan seperti kerajaan Taliban di Afghanistan.

"Kalau tidak buat macam Afghanistan, mereka kata kita tidak Islam. Kalau tidak buat, mereka akan menumbangkan kerajaan. Ini adalah ajaran dari Pakistan," katanya.

Mengenai serangan 11 September di Amerika Syarikat, Perdana Menteri kejadian itu berlaku disebabkan kekecewaan di kalangan kumpulan berkenaan apabila pembunuhan di Palestin dan Chechen terus berlaku.

Katanya, disebabkan tidak dapat membalas dendam terhadap musuh sebenar, mereka menjadikan orang tidak berdosa sebagai mangsa seperti berlaku dalam serangan ke atas Amerika Syarikat.

Beliau berkata, perkara itu tidak akan berlaku jika orang Islam benar-benar menghayati agama, manakala orang lain tidak menyalah tafsir dan mengaitkan agama itu dengan keganasan.

Dr Mahathir berkata, penentangan terhadap keganasan sepatutnya dipelopori Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya menjadi benar-benar satu usaha antarabangsa.

"Jika kita mahukan penyatuan seluruh dunia menentang keganasan, ia bukan hanya soal menuntut bela apa yang berlaku pada 11 September tetapi kita patut membanteras semua penganas dan keganasan.

"Ramai lagi orang lain yang terbabit dengan keganasan, bukan hanya Osama

bin Laden atau pergerakan al-Qaeda," katanya.

Kepada satu soalan, beliau berkata apa yang Malaysia dan negara Islam lain boleh lakukan ialah menyuarakan mengenai perkembangan di Afghanistan tetapi suara mereka akan "ditenggelami suara yang mendapat lebih banyak publisiti."

(END)